

Menyatukan semula masyarakat Islam berlainan fahaman politik

PM: Raja berperanan

UM 17 MAR 2000

Oleh
YUSRI SAHAT dan NIZAMHAMID

JITRA 16 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad percaya raja-raja Melayu boleh memainkan peranan menyatukan masyarakat Islam yang berlainan fahaman politik di negara ini melalui majlis-majlis agama yang mereka terajui.

Menurut Perdana Menteri, walaupun raja-raja Melayu tidak terlibat dalam bidang politik tetapi mereka mungkin boleh memainkan peranan melalui cara berkenaan.

“Peranan raja-raja Melayu lebih kepada urusan agama dan dalam hal politik mereka tidak campur tangan,” katanya kepada para pemberita selepas mengadakan majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidiladha di Dewan Jitra di sini, hari ini.

Pendirian

Kata Dr. Mahathir, raja-raja Melayu mungkin mengambil pendirian seperti itu kerana tidak mahu pendirian mereka dalam sesuatu perkara ditafsirkan sebagai politik dan disalah anggap.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika diminta mengulas perutusan khas beliau sempena Hari Raya Aidiladha dan juga peranan yang boleh dimainkan oleh raja-raja Melayu dalam soal perpaduan umat Islam.

Dalam perutusan khasnya itu, Perdana Menteri berkata, permusuhan politik sesama umat Islam di negara ini tidak seharusnya dikekalkan sehingga menimbulkan ketegangan di kalangan rakyat.

“Kita tidak tahu bagaimana ia boleh dibuat tetapi kita tidak mahu raja-raja Melayu terlibat dalam politik kerana ada ahli politik yang berkata jika raja bertanding dalam pilihan raya dan me-

Lihat muka 4

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

UM 17 MAR 2000 PM: Raja berperanan

nantang mereka, Raja akan dikalahkan,” ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, umat Islam masih diancam bahaya perpecahan walaupun pilihan raya umum telah selesai kerana terdapat pihak tertentu yang terus membuat kecaman.

“Walaupun pilihan raya sudah habis tetapi ceramah masih berjalan dan banyak lagi fitnah dilempar serta masjid digunakan untuk tujuan politik.

“Saya diberitahu di Terengganu umpamanya, masjid dibasuh konon-

nya kotor kerana dulu ia masjid UMNO dan perlu disamak,” katanya.

Perdana Menteri turut menyelar tindakan pemimpin Pas di Terengganu dan Kelantan yang mengalihkan replika patung yang menjadi lambang di negeri tersebut khususnya dari segi pelancongan.

“Patung penyu sudah dihancurkan kerana ia bertentangan dengan Islam tetapi selama 10 tahun Pas memerintah Kelantan, patung rusa tidak dihancurkan tetapi apabila patung penyu dihancurkan, patung rusa juga (patut) dihancurkan,” ujarnya.

Kira-kira 5,000 orang hadir pada majlis itu yang turut dihadiri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Pembangunan Negeri, Datuk Profesor Dr. Othman Ishak.

Terdahulu Perdana Menteri memunaikan solat sunat Hari Raya Aidiladha di Masjid Al Ghufuran, Akar Peluru, Jalan Pegawai di sini dan menziarahi pusara ayahanda dan bondanya yang terletak berhampiran dengan masjid itu.